

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 22 Jun 2016 10:05
To: UUM - All Staff
Cc: ipqnet
Subject: KELAB KEBAJIKAN IPQ LAKSANA PROGRAM IPQ PRIHATIN



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



22 JUN 2016/ 17 RAMADHAN 1437H

=====

**"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

Kelab Kebajikan IPQ Laksana Program IPQ Prihatin



IPQ ONLINE : Kelab Kebajikan dan Rekreasi, Institut Pengurusan Kualiti telah mengadakan Majlis Sumbangan Ramadan – IPQ Prihatin kepada 110 orang kakitangan pembersihan Uniutama Property Sdn. Bhd. (UPSB) dan 25 orang anggota masyarakat berpendapatan rendah di sekitar Changlun Kedah.

Pengarah IPQ, Prof. Madya Dr. Haim Hilman Abdullah dalam kata alauannya, mengucapkan jutaan terima kasih kepada warga IPQ, warga UUM dan masyarakat luar yang menghulurkan sumbangan sehingga membolehkan RM2,840.00 berjaya dikumpulkan. Di samping itu “jutaan terima kasih saya ucapkan kepada kakitangan pembersihan UPSB di atas komitmen menjaga kampus UUM lebih hijau, cantik, bersih dan selesa. Komitmen yang pakcik dan makcik berikan telah membolehkan UUM berada dikedudukan univerisiti ke 44 paling hijau di dunia di dalam UI GreenMetric, 137 Terbaik Asia dan 701+ Terbaik Dunia dari lebih 35,000 universiti yang ada di seluruh dunia” ujanya.

Kelab Kebajikan IPQ turut ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih di atas sumbangan yang dihulurkan oleh rakan-rakan dari JPP, CEDI, CUIC, CETMA, UTLC, RIMC, NCRC, ITU-UUM, IPDM, UUMPress, Unit Latihan Jab. Pendaftar, Pusat Inovasi, UUMIT dan rakan-rakan dari luar UUM sehingga membolehkan program ini dilaksanakan dengan jayanya. Majlis diakhiri pemberian beras kepada kakitangan pembersihan UPSB dan diakhiri dengan sesi bergambar.

Habis.

=====

**KELAB KEBAJIKAN DAN REKREASI
INSTITUT PENGURUSAN KUALITI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK,
KEDAH DARUL AMAN**

**FOCUSED. ACCURATE. SHARP. TIMELY
IPQ DRIVES UUM'S ENDLESS POTENTIALS**

TEL. : 04 - 928 3068/4679/4678/4657

FAKS :04 - 928 4660

E-MEL : ipq@uum.edu.my

<http://ipq.uum.edu.my>

